UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bahagian Hal Ehwal Islam

# MAU'IZAH

# موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

**SIRI 3**



## DEFINISI

- JASA: Berbuat kebaikan, berbakti, berfaedah, berharga.
- MU: Ibu ayah.
- DIHARGAI: Menghormati, memuliakan, mengendahkan.

"DUA AIR YANG TIDAK MAMPU DIBALAS: AIR SUSU IBU DAN AIR KERINGAT AYAH"
YA ALLAH TEMPATKANLAH MEREKA DI SYURGA-MU.

۞ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَـٰنًا ۚ إِمَّا يَبْلُغَنَّ
عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا
تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾
وَٱخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحْمَةِ وَقُل رَّبِّ ٱرْحَمْهُمَا كَمَا
رَبَّيَانِى صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

23. Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).
24. Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil." (Surah al-Isra: 23 - 24)

# KELEBIHAN BERBAKTI KEPADA IBU BAPA

## MENDAPAT REDHA ALLAH DAN DIMASUKKAN KE DALAM SYURGA

"Sesungguhnya redha Allah seiring dengan redha ibu bapa dan kemarahan Allah bersamaan dengan kemarahan ibu bapa".

## DOA DIMAKBULKAN

Umar Al-Khattab berkata: Saya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda : " Datang kepada kamu Uwais bin Amir Bersama sejumlah orang-orang Yaman. Dia terkena penyakit sopak tetapi sudah sembuh kecuali tinggal lebih kurang sebesar wang dirham. Dia adalah seorang yang sangat sayang kepada ibunya. Kalau dia memohon kepada Allah akan diampuni dosanya. Kalau engkau mahu minta tolong kepadanya supaya dia meminta ampunkan dosa-dosanya, maka lakukanlah".

## DIPANJANGKAN UMUR

"Sesiapa berbakti kepada ibu bapanya memang beruntunglah dia, Allah memanjangkan umurnya" .(Hadith Riwayat al-Hakim)

## DIMURAHKAN REZEKI

"Sesiapa yang ingin dipanjangkan umurnya dan dimurahkan rezekinya, hendaklah dia berbuat baik kepada ibu bapanya dan hendaklah dia menghubungkan silaturahim". (Hadith Riwayat Ahmad)

# AKIBAT DERHAKA

- HARAM BAGINYA SYURGA
- DIMURKAI ALLAH
- TERMASUK DALAM GOLONGAN ORANG KAFIR
- MENDAPAT BALASAN DI DUNIA
- TIDAK MENCIUM BAU SYURGA
- TERMASUK DALAM GOLONGAN MEREKA YANG RUGI BESAR

## TIPS BERBAKTI KEPADA IBU BAPA

- BERGAUL DENGAN IBU BAPA
- MEMULIAKAN IBU BAPA
- MEDOAKAN IBU BAPA



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam


**Bahagian Hal Ehwal Islam**
Pejabat Naib Canselor
Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603-55442350 Faks: +603-55435635


